



Fact Sheet

# Kerosakan Jentera

Kerosakan Jentera (MB) adalah polisi yang direka cipta untuk memberi perlindungan ke atas loji, jentera dan peralatan mekanikal yang sedang berfungsi, semasa tidak bergerak atau ketika kerja penyelenggaraan dijalankan.

## Perlindungan

MB ialah jenis insurans “Kemalangan” Semua Risiko terhadap jentera. Polisi ini memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal yang terjadi secara mengejut atau tidak diduga ke atas jentera anda yang sedang berfungsi atau semasa direhatkan, atau dirungkai untuk tujuan pembersihan, pemeriksaan atau pembalikpulihan, atau dalam proses pengendalian, atau pemindahan di dalam premis berikutnya dari pembinaan semula.

Punca terjadinya kerosakan secara mengejut dan tidak diduga mungkin disebabkan oleh kejadian berikut:

- Kesilapan material, reka bentuk dan pembinaan dan pendirian
- Getaran, ketidaksesuaian atau ketidaksejajaran
- Kerosakan pelinciran, kelonggaran alat ganti, tekanan luar biasa, kelemahan molekul, pembahangan sendiri dan tekanan emparan
- Tekanan elektrik yang berlebihan sama ada disebabkan oleh elektrik di atmosfera atau yang lain
- Litar pintas atau pengakraan
- Kurang kemahiran dan kecuaian semasa mengendalikan jentera

## Jenis-jenis jentera

- Peralatan elektrik; termasuk alat pengawal arus ulang-alik dan janakuasa, motor, alat pengubah arus, suis gear dan transformer
- Loji jentera; termasuk enjin, alat penghembus turbin (wap, air, gas), pemampat udara, pam, perkakas jentera dan penekan
- Jentera memproses; dalam industri sedemikian seperti penyimpanan sejuk beku, industri kejuruteraan dan metal, pembuatan kertas/pulpa, percetakan, getah/plastik dan tekstil dsb.

## Asas Jumlah Diinsuranskan

Jumlah Diinsuranskan adalah sama dengan kos penggantian jentera diinsuranskan dengan jentera baru yang sama jenis dan kapasiti, di mana kos penggantian tersebut adalah termasuk kos pengangkutan, duti kastam, dius dan kos pendirian.

## Pengecualian utama:

Anda tidak akan diindemniti berhubung dengan kerugian, kerosakan atau liabiliti langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada atau timbul akibat atau disebabkan oleh:

- Deduktibel yang dinyatakan dalam Jadual
- Kebakaran, kilat, letupan kimia, pecah masuk dan kecurian, contohnya peril yang dilindungi atau boleh dilindungi di bawah polisi lain; limpahan air, banjir, gempa bumi, penenggelaman, runtuh tanah, runtuh bangunan
- Kehausan dan kelusuhan akibat penggunaan atau pengendalian yang biasa dan juga peronggaan, hakisan, kakisan atau endapan dalam dandang
- Perang atau operasi berupa perang, semua jenis pergaduhan awam
- Tindakan atau kecuaian yang disengajakan oleh pihak diinsuranskan atau wakil-wakilnya
- Kesilapan atau kecacatan yang timbul pada masa insurans mula berkuatkuasa yang mana harus diketahui atau sedia diketahui oleh pihak diinsuranskan.

## Asas Indemniti

- Jika berlakunya “Kerugian Separa” - menggantikan item yang rosak dengan alat ganti baru termasuk kos pengangkutan, duti kastam, kos pekerja menolak apa-apa salvaj dan deduktibel.
- Jika berlakunya “Kerugian Menyeluruh” - nilai sebenar bagi item sebelum berlakunya kerugian termasuk semua caj lain termasuk caj untuk menanggalkan jentera yang termusnah menolak apa-apa salvaj dan deduktibel.

#### **Bayaran Premium**

- Premium mesti dibayar kepada pengantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama syarikat kami).
- Sila minta resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

#### **Kewajiban pendedahan**

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

#### **Sumbangan**

Jika pada masa mana-mana kerugian atau kerosakan terhadap harta berlaku, terdapat mana-mana insurans lain yang masih berkuatkuasa atau insurans kepunyaan anda atau ahli keluarga anda yang memberi perlindungan sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

#### **Lebihan / Deduktibel**

Merupakan amaun kerugian yang harus ditanggung anda sendiri untuk setiap tuntutan.

## **APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN jika berlakunya kerugian/kerosakan?**

#### **Pemberitahuan tuntutan**

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika terlibat dalam kemalangan yang serius, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

#### **Pengemukaan tuntutan**

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

#### **Kewajiban untuk mendedahkan informasi tuntutan**

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

## BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



### Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my), atau
2. pengantara insurans Biro Pengantaraan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada [www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm](http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm)) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami [www.tokiomarine.com.my](http://www.tokiomarine.com.my)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.